

## KONSEP ‘ADIL DALAM KESAKSIAN : APLIKASI DI MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA

Azizah Mohd Rapini  
Jabatan Undang-undang  
Fakulti Syariah Dan Undang-undang  
[azizah@kuis.edu.my](mailto:azizah@kuis.edu.my)

### Abstrak

‘Adil dalam perbincangan undang-undang keterangan Islam merupakan lawan kepada sifat fasik dan secara umumnya ia merupakan salah satu syarat utama seseorang saksi sama ada dalam kes sivil atau jenayah Islam. Kebanyakan ulama menggambarkan sifat ‘adil sebagai seorang yang Islam yang bukan setakat cerdik dan berakal, tetapi juga seorang yang reda dan patuh dengan suruhan agama serta jauh dari ciri-ciri kefasikan dan amalan maksiat sama ada dosa besar atau dosa kecil. Oleh kerana statut keterangan mahkamah syariah di Malaysia telah memperuntukkan syahadah sebagai salah satu metode pembuktian utama dalam sistem kehakiman, sifat ‘adil dalam statut tersebut telah juga diperuntukkan secara nyata, bukan sahaja sebagai syarat syahadah, tetapi juga dihuraikan cirinya untuk memberikan gambaran jelas tentang kriteria berkaitan. Seseorang Islam adalah disifatkan ‘adil jika dia menunaikan kewajipan agama, menahan diri dosa besar dan tidak berterusan melakukan dosa kecil. Oleh yang demikian, kajian ini akan menumpukan perhatian kepada pelaksanaan penerimaan saksi di mahkamah-mahkamah syariah di Malaysia. Kajian ini melibatkan kajian kualitatif melalui kaedah temubual dan observasi untuk melihat sejauh mana mahkamah mentafsirkan dan menitikberatkan kepentingan ciri ‘adil dalam penerimaan saksi sama ada dalam prosiding mal atau jenayah. Kajian awal mendapati sistem kehakiman mahkamah syariah di Malaysia menggunakan konsep yang agak longgar dalam mentafsirkan ciri ‘adil dalam menerima keterangan saksi. Malah, penggunaan konsep bayyinah secara meluas berbanding syahadah sedikit sebanyak menjadi faktor utama ciri ‘adil tersebut kurang dipersoalkan dalam prosiding di mahkamah syariah.

**Kata kunci :** ‘Adil , Kesaksian, Syahadah, Bayyinah, Keterangan.

### 1. Pendahuluan

Undang-undang dan statut keterangan mahkamah syariah (SKMS) di Malaysia digubal berasaskan beberapa pendekatan yang melibatkan proses adaptasi Akta Keterangan 1950 tanpa mengetepikan prinsip-prinsip fiqh berkaitan undang-undang keterangan Islam yang kebanyakannya sebagai rujukan hukum syarak yang utama, malah mengambil kira pandangan mazhab diambil dari mazhab Shafie di samping rujukan terhadap undang-undang keterangan Islam dari luar seperti Qanun-e-Shahadat Pakistan 1984 dan Majallatul Ahkam al-‘Adliyah Turki. Hasilnya, SKMS dilihat sebagai undang-undang keterangan yang memenuhi keperluan sistem kehakiman Islam untuk digunakan dalam kerangka undang-undang Islam di Malaysia (Mahmud Saedon, 1995). Apatah lagi set undang-undang tersebut bukan sahaja menjadikan mazhab Shafi’i lain yang muktabar terutama pandangan dari Ibnul Qayyim al-Jawziyyah yang sangat sinonim dengan konsep *bayyinah* atau keterangan dengan konsepnya yang luas dan relevan (2002:16).

Salah satu isu yang jarang diperdebatkan dalam SKMS ialah tentang sifat ‘adil saksi sebagai salah satu syarat saksi dalam peruntukan berkaitan *bayyinah* dan *syahadah*. Oleh kerana pendekatan mahkamah banyak menggunakan konsep *bayyinah* yang banyak memberi ruang kepada penerimaan apa sahaja bentuk keterangan di mahkamah syariah, isu berkaitan syarat ‘adil dalam *syahadah* jarang ditimbulkan dalam kebanyakan prosiding berkaitan. Konsep keterangan dan *bayyinah* dalam SKMS yang meliputi apa sahaja bentuk keterangan lisan dan keterangan dokumen telah memberi ruang yang luas terhadap segala bentuk keterangan yang kuat dan relevan sama ada ianya diperuntukkan secara tersurat atau pun

tersirat dalam statut tersebut dan sama ada saksi yang memberikan keterangan seoarng yang cukup syarat atau sebaliknya.

## 2. Latar Belakang Kajian

Ulama kontemporari seperti Wahbah al-Zuhaili (1997) dan Ahmad Fathi Bahnasi (1983) telah mengkategorikan syarat-syarat *syahadah* kepada beberapa kategori, iaitu syarat penerimaan (*shurut tahammul*) dan syarat penyampaian (*shurut al-ada'*) sebagai garis panduan untuk membezakan mana saksi yang betul-betul layak memberikan keterangan atau sebaliknya. Syarat penyampaian melibatkan keupayaan untuk mengemukakan keterangan berdasarkan ketetapan hukum syarak (Bahnasi, 1983). Ulama berbeza pendapat tentang bilangan atau perincian terhadap syarat tersebut berdasarkan kefahaman mereka terhadap nas-nas atau dalil-dalil syarak. Walau bagaimanapun secara umumnya perbezaan tersebut tidaklah begitu ketara kerana syarat-syarat umum yang dibincangkan tidak jauh berbeza bilangannya di antara satu sama lain.

Muhammad al-Zuhayli (2008) merumuskan bahawa syarat-syarat yang banyak seperti yang telah dibincangkan oleh fukaha adalah bertujuan untuk menjamin kesahihan keterangan dan sebagai langkah berhati-hati di samping untuk mengelak dari timbulnya tohmah serta keraguan. Syarat-syarat tersebut ialah, saksi mestilah seorang Islam, baligh, berakal, merdeka, bijak, boleh bercakap, sedar, mengetahui apa yang dipersaksikan, bersifat adil iaitu menjauhi dosa besar dan tidak berterusan melakukan dosa kecil, menjaga maruah dengan memiliki akhlak serta budi pekerti mulia, bukan orang yang pernah dijatuhkan hukuman *had qazaf*, bukan dari kalangan kaum keluarga yang mempunyai tohmah atau kepentingan, tiada hubungan perseteruan atau perkongsian niaga, penyaksian berlaku secara langsung melainkan perkara-perkara yang boleh menerima kesaksian dengar cakap seperti kes perkahwinan, nasab, kematian, perlantikan hakim dan juga kes wakaf. Syarat-syarat tersebut tidak banyak berbezaan dengan ulama kontemporari yang lain seperti Wahbah al-Zuhayli (1997:6035) dan 'Abdul Karim Zaydan (1983:174). Cuma Ahmad Fathi Bahnasi yang menambah satu lagi syarat sukarela sebagai salah satu aspek yang penting dalam penyampaian kesaksian (1983:58).

Kajian ini, walau bagaimanapun hanya akan menumpukan perhatian kepada syarat '*adil*' bagi saksi sahaja kerana terdapat perbezaan pandangan ulama berkaitan ciri-ciri '*adil*' tersebut sama ada lebih ketat atau longgar untuk digunakan. Peruntukan undang-undang dalam SKMS berkaitan huraian sifat '*adil*' juga menjadi salah satu faktor utama kajian dilakukan kerana berlaku percampuran sumber mazhab dalam peruntukan berkaitan *bayyinah* dan *syahadah* dan kajian ini cuba mengenalpasti pendekatan serta aplikasi mahkamah dalam menerima keterangan saksi sama ada syarat '*adil*' dititikberatkan atau sebaliknya.

## 3. Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk menjelaskan konsep '*adil*' sebagai salah satu syarat kesaksian menurut fiqh dan undang-undang (merujuk kepada SKMS). Kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti aplikasi semasa mahkamah syariah dalam menerima keterangan saksi sama ada ciri '*adil*' diambilkira atau sebaliknya.

## 4. Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan akan membantu pihak-pihak yang berkaitan terhadap semakan semula undang-undang keterangan mahkamah syariah di Malaysia (SKMS) dan membantu

mengenalpasti sebarang penamaian yang perlu sama ada dipihak mahkamah atau pengamal undang-undang syariah.

Kajian ini juga diharapkan dapat memberi sumbangan intelektual dalam bidang keterangan dan kehakiman Islam serta membuka ruang kajian seterusnya terhadap isu-isu yang akan dibincangkan supaya bidang ini akan lebih diterokai ke arah penambahbaikan sistem pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia.

## 5. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif lapangan yang melibatkan dua metode utama pengumpulan data iaitu metode temubual dan observasi. Metode temubual beberapa protokol temubual berstruktur (Othman Lebar, 2007) dengan beberapa informan dan responden-responde yang mewakili wakil-wakil Jabatan Kehakiman Syariah dan wakil-wakil peguam syarie negeri-negeri yang terpilih, melalui soalan-soalan yang telah disusun terlebih dahulu bagi mendapatkan maklumat tentang pendekatan yang digunakan oleh mahkamah syariah dalam mengaplikasi konsep *syahadah* serta sumber amalan yang digunakan. Dapatkan kajian melalui sumber ini dicatat, direkod, ditranskripsikan serta dibersihkan sebelum kerja-kerja analisis data dilakukan (Suseela Malakolunthu, 2013).

Pemilihan responde bagi tujuan temubual ini secara umumnya menggunakan kaedah persampelan secara bertujuan (Othman Lebar, 2007) atau persampelan purposif (Azizi Yahya, 2007) bagi mendapatkan maklumat yang sangat diperlukan supaya gambaran sebenar penggunaan konsep *syahadah* di mahkamah syariah boleh diakses. Pemilihan negeri-negeri untuk mendapatkan data temubual dipilih berdasarkan latar belakang sejarah penggubalan statut keterangan syariah seperti di Kedah sebagai negeri pertama menggubal statut keterangan mahkamah syariah dan Wilayah Persekutuan melalui AKMS yang pernah dijadikan model penggubalan atau pindaan terkini statut keterangan mahkamah syariah. Pemilihan juga dibuat berdasarkan status JKSM negeri sama ada dalam kategori negeri ‘gunasama’ seperti Wilayah Persekutuan, Selangor, Negeri Sembilan dan Sabah atau ‘tidak gunasama’ seperti Kelantan, Perak, Johor dan Kedah. Secara kesimpulannya pemilihan negeri bagi mendapatkan maklumat aplikasi syahadah melalui statut negeri masing-masing adalah menggunakan kaedah persampelan selesa (*convenience sampling*) bagi memudahkan penyelidik mendapatkan maklumat (Azizi Yahya, 2007) mengikut kategori sampel yang berbeza berdasarkan perbezaan latar belakang penggubalan statut-statut dan status negeri tersebut. Kedua-dua perbezaan tersebut sedikit sebanyak memperlihatkan beberapa perbezaan walaupun tidak bersifat major.

Metode observasi juga digunakan bagi melihat ‘*trend*’ atau kaedah semasa yang digunakan di mahkamah syariah dalam prosiding yang melibatkan pengambilan keterangan saksi sama ada dalam kes mal atau kes jenayah (Othman Lebar, 2007). Seperti juga dengan data temubual, data observasi juga direkodkan dalam bentuk catatan harian kemudian disusun semula secara manual sebelum dianalisis.

Oleh kerana kajian ini merupakan kajian kualitatif sepenuhnya, kebanyakan data dianalisis secara induktif dan komparatif melalui rumusan dari data-data yang diperolehi melalui temubual dan observasi.

## 6. Konsep ‘Adil sebagai Syarat Kesaksian

‘*Adil* merupakan lawan kepada sifat fasiq. Kesaksian orang fasiq adalah tidak diterima sebagaimana amaran yang diberikan oleh Allah SWT supaya berhati-hati dengan berita yang disampaikan oleh seseorang yang fasik (Ibnu Najar, 2005):

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمَّا مُنْسِأُوا إِنْ جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بَنِي فَتَبَيَّنُوا أَنْ تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَنَّمِ فَتُصَبِّحُوا عَلَىٰ

مَا فَعَلْتُمْ نَذِيرٌ

Al-Hujurat 49:6

Terjemahan: Wahai orang-orang Yang beriman! jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum Dengan perkara Yang tidak diingini - Dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa Yang kamu telah lakukan.

Dua ayat yang pernah disebut sebelum ini iaitu ayat 106 Surah al-Maidah dan ayat 2 Surah al-Talak masing-masing meletakkan ‘*adil* sebagai ciri utama dalam diri seorang saksi. Ibnu Kathir menggambarkan sifat ‘*adil* seperti yang terdapat dalam ayat 106 Surah al-Maidah sebagai seorang Islam tanpa memperincikan kriteria khusus orang Islam yang bagaimana boleh dikatakan ‘*adil* (Ibnu Kathir:1996).

Konsep ‘*adil* telah dibahaskan oleh ulama fiqh secara panjang lebar terutama dalam menentukan kriteria atau sikap yang boleh disifatkan sebagai ‘*adil* supaya kesaksianya diterima. Jumhur ulama mensifatkan ‘*adil* sebagai sifat bonus atau nilai tambah dalam diri seseorang Islam dengan sentiasa menunaikan kewajipan syarak dan perkara-perkara sunat serta harus, menjauhkan diri dari perkara-perkara yang haram dan makruh (Ibnu Rushd, 2009).

Imam Abu Hanifah menggambarkan sifat ‘*adil* dengan memadai melalui penilaian zahir sebagai orang Islam sahaja sesuai dengan masyarakat yang hidup pada zamannya sebagai masyarakat yang baik (al-Kasani, t.t). Walau bagaimanapun menurut Abu Yusof proses *tazkiyah al-shuhud* tetap perlu diadakan kalau status saksi diragui walaupun hidup dalam masyarakat yang baik (al-Kasani,t.t). Ibnu Humam (1995) dari mazhab Hanafi mendefinisikan ‘*adil* sebagai orang yang dikenali sebagai benar mengikut penilaian zahir sahaja dan perspektifnya mungkin berbeza mengikut peredaran zaman. Malah beliau telah membawa pandangan Abu Yusof yang berpendapat orang yang fasik sekalipun sekiranya dikenali orang ramai sebagai benar dan menjaga maruah kesaksianya pun boleh diterima. Antara contoh yang dibawa oleh Ibnu Humam sebagai fasiq yang tidak diterima kesaksianya ialah orang yang pernah disabitkan dengan hukuman *qazaf* walaupun telah bertaubat atas hujah lafadz perkataan ‘*abada*’ dalam ayat al-Quran sebagai orang yang tidak diterima kesaksianya selama-lamanya:

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةِ شَهِيدَاتٍ فَأَجْلِدُوهُمْ ثَمَنِينَ حَدَّةً وَلَا

تَقْبِلُوا هُمْ شَهِيدَةً أَبَدًا وَأَوْلَئِكَ هُمُ الْفَسِقُونَ

Al-Nur 24: 4

Terjemahan: Dan orang-orang Yang melemparkan tuduhan (zina) kepada perempuan Yang terpelihara kehormatannya, kemudian mereka tidak membawakan empat orang saksi, maka sebatlah mereka delapan puluh kali sebat; dan janganlah kamu menerima persaksian mereka itu selama-lamanya; kerana mereka adalah orang-orang Yang fasik.

Ibnu Humam juga berpendapat orang yang tidak menjaga maruah seperti membuang air kecil di tepi jalan, makan di tepi jalan, keluar tanpa berpakaian sempurna seperti memakai

seluar tanpa baju atau melakukan perkara-perkara yang memalukan atau suka menghina ulama juga merupakan perkara-perkara yang boleh menjelaskan keadilan seseorang. Al-Kasani telah menyenaraikan ciri-ciri seseorang yang adil iaitu tidak mengambil benda yang haram, tidak melakukan maksiat kemaluan, tidak melalukan jenayah agama, sifat baiknya melebihi sifat buruk, menjauhkan diri dari dosa-dosa besar, tidak melakukan perkara-perkara yang melalaikan (al-Kasani, t.t). Orang yang selalu melakukan maksiat tidak diterima sebagai ‘*adil*’ melainkan telah bertaubat termasuklah jika pernah disabitkan dengan hukuman *qazaf* dan sekaligus pandangan ini berbeza dengan Ibnu Hummam yang tidak menerima kesaksian orang yang pernah disabitkan *qazaf* walaupun telah bertaubat. Al-Kasani menambah bahawa konsep itu sendiri mengandungi elemen tauhid kerana lafaz *syahadah* itu sendiri menggambarkan iman dan kebenaran (*al-sidqu*), oleh itu hubungan ‘*adil*’ dengan makna benar (*sidqu*) dalam lafaz *syahadah* mempunyai hubungan yang sangat rapat kerana orang yang ‘*adil*’ akan bercakap benar selari dengan kehendak lafaz *syahadah* tersebut.

Al-Dasuki menggambarkan konsep ‘*adil*’ sebagai orang yang memelihara atau menunaikan perkara-perkara fardu seperti solat, zakat, puasa, haji, tidak fasiq atau tidak melalukan dosa-dosa besar serta menjaga maruah dan kesopanan (al-Dasuki, t.t). Imam Malik (1323H) sendiri berpandangan orang yang suka bermain dengan permainan yang melalaikan seperti catur tidak diterima kesaksiannya melainkan bermain sekali sekala. Kesaksian orang yang telah disabitkan dengan hukuman *qazaf* juga diterima kesaksiannya jika bertaubat.

Kebanyakan ulama Shafi’i telah meletakkan cir-ciri yang terperinci terhadap konsep ‘*adil*’ bagi menggambarkannya sebagai sifat yang paling penting dalam diri seseorang saksi. Al-Sharbini mendefinisikan ‘*adil*’ sebagai sederhana secara bahasanya dan secara istilah sebagai menjauhi dosa-dosa besar dan tidak berterusan dengan dosa-dosa kecil (al-Sharbini, 2006). Apa yang dimaksudkan sebagai dosa besar termasuklah yang melibatkan kesalahan hudud, dosa syirik dan dosa yang dikategorikan oleh 70 dosa besar, manakala dosa kecil seperti mengawal atau melewatkhan waktu solat tanpa kezuruan, meninggalkan amar makruf nahi mungkar, melupakan al-Quran, melakukan perkara-perkara yang boleh melalaikan hati seperti bermain catur, bermain burung merpati, bermain dengan alat muzik, mendengar muzik dan menyanyi. Dosa-dosa kecil, menurut al-Sahrbin jika dilakukan secara berterusan boleh mencacatkan ‘*adalah*’ seseorang. Al-Sharbini dalam tulisannya yang lain menggambarkan lagi perkara-perkara yang boleh menjelaskan keadilan seseorang seperti mengambil riba, makan harta anak yatim dan menjadi saksi palsu yang terletak di bawah kategori dosa besar. Orang yang bersifat ‘*adil*’ juga merupakan orang yang menjaga akidah, tidak melakukan perkara yang bid’ah serta pandai mengawal emosi dan nafsu amarah (al-Sharbini, t.t). Konsep yang sama terhadap ciri ‘*adil*’ diberikan oleh ulama mazhab Shafi’i yang lain seperti al-Ramli (1984), al-Nawawi (t.t) dan al-Dimiyati (1995). Walau bagaimanapun mazhab Shafi’i menerima kesaksian orang fasik yang telah bertaubat termasuk saksi yang pernah disabitkan hukum *qazaf* selepas bertaubat dalam jangka masa sebulan (al-Dimiyati, 1995).

Ulama mazhab Hambali juga telah memperincikan konsep ‘*adil*’ dengan panjang lebar. Ibnu Qudama (1994) mentafsirkan ‘*adil*’ sebagai seseorang yang selari kelakuan dan keadaan dengan tuntutan agama atau hukum syarak, menjaga agama, mengawal marah dan hukum hakam agama, tidak melakukan dosa besar, tidak berterusan melakukan dosa kecil dan menjaga maruah. Apa yang dimaksudkan dengan menjaga maruah ialah tidak melakukan perkara yang tidak sopan seperti makan di pasar awam, suka berjenaka, memeluk isteri di tempat awam, bermain dengan permainan yang melalaikan seperti bermain burung merpati, menyanyi dan bermain muzik. Ibnu al-Najar (2005)pula melihat ‘*adil*’ sebagai orang yang sentiasa beristiqamah, keadaan, perkataan dan perbuatannya selari dengan tuntutan agama dengan menunaikan perkara-perkara fardu, menjauhkan diri dari perkara-perkara haram,

tidak melakukan dosa besar dan tidak berterusan dengan dosa kecil. Berbeza dengan Ibnu Qayyim (2006) yang telah menggambarkan sifat ‘*adil*’ yang lebih fleksibel iaitu memadai melalui penilaian zahir sebagai orang Islam selagi tidak terlibat dengan jenayah hudud. Berkaitan dengan taubat orang yang fasik pula, Ibnu Qudama, Ibnu al-Najar dan Ibnu Qayyim berpendapat seseorang yang telah disabitkan hukuman *qazaf* dan kemudiannya bertaubat maka kesaksianya boleh diterima. Dalam tulisannya yang lain, Ibnu Qayyim (2002) telah memberikan pandangan yang lebih maju dengan menerima kesaksian seseorang yang fasik sekiranya pada masa itu atau pada zaman itu kebanyakan manusia telah fasik yang sukar untuk mendapatkan saksi yang betul-betul ‘*adil*’, sama seperti hukum menerima wali yang fasik jika mengabaikan wali fasik itu akan lebih menimbulkan kesulitan akibat kegagalan mencari orang yang ‘*adil*’.

Ibnu Hazm (1984) dari mazhab Zahiri berpandangan orang yang ‘*adil*’ ialah orang yang tidak melakukan dosa besar dan tidak melakukan dosa kecil secara terang-terangan. Malah kesaksian orang yang telah dihukum *had zina* atau *qazaf* serta kesalahan hudud yang lain atau dalam semua kes maka kesaksianya adalah diterima sekiranya mereka telah benar-benar bertaubat.

Secara umumnya tiada perselisihan ulama tentang sifat ‘*adil*’ sebagai salah satu syarat saksi semasa memberikan syahadah kerana sifat tersebut telah termaktub dalam nas al-Quran. Cuma yang berbeza adalah pandangan ulama dalam mentafsirkan apa yang dimaksudkan sebagai ‘*adil*’. Ini bermakna kriteria tersebut terbuka kepada ijtihad yang berasaskan kepada pemahaman ulama terhadap nas serta uruf yang ada pada zaman mereka yang masih tidak sukar untuk membezakan orang yang bersifat ‘*adil*’ atau *fasiq*. Oleh yang demikian, uruf, peredaran zaman, perubahan gaya hidur serta gaya fikir masyarakat mempengaruhi pentafsiran sesuatu perkataan atau sifat tanpa mengabaikan nilai utama sesuatu sifat tersebut. Oleh kerana istilah ‘*adil*’ secara literalnya lebih bermaksud kesederhanaan, tafsiran yang ketat dalam menentukan keadilan seseorang mungkin boleh menyukarkan atau melambatkan proses penerimaan keterangan saksi pada masa sekarang sehingga menyebabkan konsep *syahadah* yang sebenarnya sukar untuk diaplikasikan. Walau bagaimanapun secara umumnya perbezaan tafsiran ‘*adil*’ di kalangan fukaha tidaklah bersifat major kerana prinsip umum dalam tafsiran ‘*adil*’ semuanya mementingkan aspek kepatuhan seseorang terhadap perintah Allah dan menjauhi segala laranganNya yang sekaligus memang menjadi tuntutan hidup sebagai seorang Islam.

## 7. ‘Adil dalam Peruntukan Statut Keterangan Mahkamah Syariah (SKMS) di Malaysia

Istilah ‘*adil*’ secara terminologinya diperuntukkan sebagai salah satu syarat syahadah dalam SKMS negeri-negeri di Malaysia sebagai contoh dalam seksyen 83 (1) Enakmen keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003:

- (1) Tertakluk kepada peruntukan seksyen ini, semua orang Islam adalah **kompeten** untuk memberikan *syahadah* atau *Bayyinah* sebagai saksi dengan syarat bahawa mereka adalah ‘*aqil, baligh, adil*’, mempunyai ingatan yang baik dan tidak berprasangka.

*Huraian*—Seseorang Islam adalah disifatkan ‘*adil*’ jika dia menunaikan obligasi agamanya, melaksanakan kewajipan agama yang ditetapkan, menahan diri daripada melakukan dosa besar dan tidak terus menerus melakukan dosa kecil.

Konsep dan pengertian di atas sangat selari dengan ciri ‘*adil*’ yang dijelaskan oleh Imam al-Sharbini dalam *Mughni al-Muhtaj*, juga daripada pandangan Imam al-Nawawi dan al-Dimyati sebagai seorang yang menjauhi dosa besar dan tidak terus menerus melakukan dosa kecil. Perkara ini pernah disahkan sendiri oleh panel JTUSS berkaitan sumber rujukan konsep ‘*adil*’ dalam SKMS (Temubual, 2 Disember 2014).

## 8. Dapatan Kajian

Kajian ini melibatkan metode temubual melalui dua sampel atau dua kumpulan utama responden iaitu hakim mahkamah syariah dan peguam syarie sebagai pihak yang secara langsung terlibat dengan prosiding di mahkamah syariah menggunakan statut syariah semasa sama ada undang-undang substantif mahu pun prosedural (prosedur dan keterangan). Observasi juga dijalankan bagi melihat sejauh mana proses pemeriksaan saksi dijalankan sama ada dalam prosiding mal atau jenayah syariah.

Dapatan kajian melalui temubual bersama hakim-hakim syarie, mendapati konsep ‘*adil*’ sebagai salah satu syarat saksi ditafsirkan secara longgar oleh mahkamah-mahkamah syariah di Malaysia disebabkan pendekatan dan amalan mahkamah yang menerima kebanyakan keterangan sebagai *bayyinah*. Penggunaan konsep *bayyinah* tersebut telah memudahkan proses atau prosiding berkaitan menjadi mudah dengan menerima keterangan daripada sesiapa sahaja sebagai saksi asalkan boleh memberi kerjasama kepada mahkamah semasa mahkamah mengemukakan sebarang soalan di kandang saksi. Pendekatan tersebut mempunyai persamaan dengan mendekatkan yang diamalkan oleh mahkamah sivil yang tidak meletakkan syarat yang ketat kepada kriteria saksi asalkan boleh memberi jawapan yang rasional semasa proses testimoni.

Oleh kerana *bayyinah* itu mempunyai konsep yang sangat luas dan menyeluruh, isu keadilan saksi jarang menjadi isu oleh mana-mana pihak terutama pihak lawan. Apa yang berlaku, sistem adversarial yang diamalkan di mahkamah syariah memberi ruang dalam sesi pemeriksaan balas saksi untuk mencabar kredibiliti saksi dan di situlah keterangan saksi boleh diuji oleh pihak lawan dan pihak mahkamah sama ada keterangannya boleh diterima atau tidak, bukan dari atas ketidakadilan saksi. Ketiadaan proses testimoni saksi atau *tazkiyah al-shuhud* (walaupun diperuntukkan dalam semua statut keterangan syariah negeri-negeri di Malaysia) juga menjadi salah satu faktor kepada pendekatan dan amalan ini kerana tujuan utama *tazkiyah al-syuhud* adalah untuk memeriksa keadilan saksi bila statusnya diragui (JKSM Sabah, Mac 2015).

Berdasarkan temubual peguam-peguam syarie dikebanyakannya negeri-negeri di Malaysia pula, dapatan yang selari dengan maklumbalas hakim mahkamah syariah yang mentafsirkan secara umum dengan sifat zahir saksi tanpa meletakkan kriteria yang ketat terutama syarat ‘*adil*’. Adalah menjadi amalan kebiasaan dalam peringkat pra perbicaraan, pihak peguam menerima saksi yang dicadangkan oleh pihak-pihak asalkan saksi tersebut mengetahui tentang fakta yang menjadi isu. Hanya penilaian umum sebagai orang yang beragama Islam digunakan ditambah dengan kaedah pemakluman awal kepada saksi tentang keperluan dan persediaan memberi keterangan dalam mahkamah (PGSM Kelantan, Oktober 2015). Kredibiliti saksi hanya akan diuji atau dikenalpasti melalui proses pemeriksaan balas oleh pihak lawan atau pun bantahan yang dikemukakan oleh pihak lawan. Selebihnya adalah bergantung kepada pertimbangan hakim sama ada untuk menerima atau tidak menerima keterangan yang dikemukakan walaupun kadangkala ada pihak yang cuba menimbulkan isu keadilan saksi. Ini kerana kekompetenec saksi di mahkamah syariah lebih diukur melalui prinsip kebolehterimaan keterangan saksi, bukan kepada sifat atau peribadi saksi itu sendiri.

Observasi yang dijalankan di kebanyakan mahkamah syariah juga menunjukkan dapatan yang sama apabila saksi yang dikemukakan oleh pihak-pihak diterima keterangannya tanpa mengira latar belakang atau hubungan saksi dengan pihak-pihak, asalkan mereka mengetahui fakta berkaitan atau melihat kejadian atau fakta yang menjadi isu. Keterangan saksi akan dikira sebagai lemah jika saksi tidak dapat memberikan fakta yang tepat atau lupa atau tidak tahu tentang fakta berkaitan, bukan disebabkan faktor ketidakadilan saksi.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian melalui temubual dan observasi di negeri Kedah mendapati proses pemeriksaan saksi yang agak berbeza dengan negeri-negeri lain apabila saksi ditanya terlebih dahulu tentang amalan solat berjemaah oleh saksi, solat Jumaat dan nama imam solat di masjid qaryah saksi sebelum meneruskan soalan-soalan utama yang lebih fokus kepada fakta yang menjadi isu. Ini sedikit sebanyak menunjukkan bahawa sifat ‘*adil*’ saksi menjadi salah satu kriteria walau pun melalui kaedah ujian yang sedikit kerana seorang yang ‘*adil*’ akan memelihara kewajipan atau obligasi agamanya terutama solat. Namun, tiada petunjuk yang jelas sama ada hakim menolak keterangan saksi yang tidak dapat menjawab persoalan-persoalan yang menyentuh tentang status solatnya kerana apa yang menjadi prinsip amalan ialah pertimbangan hakim sama ada untuk menerima atau menolakketerangan saksi dalam proses menyediakan penghakiman (JKSM Kedah, September 2015).

## 9. Rumusan Dan Cadangan

Berdasarkan kaedah temubual dan observasi, kajian mendapati dapatan melalui kaedah dan temubual-temubual yang dijalankan adalah selari bahawa mahkamah syariah tidak meletakkan syarat yang ketat kepada saksi untuk diterima keterangannya sebagai *syahadah* terutama syarat ‘*adil*’. Walau pun mazhab Shafi’e sebagai mazhab utama rujukan statut syariah Malaysia telah meletakkan syarat yang agak ketat terhadap konsep ‘*adil*’, seperti yang dibincangkan dalam kitab-kitab utama fiqh mazhab Shafi’e, isu ‘*adil*’ tidak begitu atau jarang ditimbulkan dalam mana-mana prosiding syariah. Apa yang penting yang dapat dirumuskan oleh pengkaji ialah selagi saksi boleh memberikan kerjasama dengan mahkamah, boleh memahami soalan yang dikemukakan dan mengetahui tentang fakta yang menjadi isu selagi itulah saksi diberikan ruang dan peluang untuk memberikan keterangan, walau pun mungkin ia melibatkan kesaksian orang yang bukan beragama Islam seperti doktor atau pegawai polis dalam prosiding jenayah syariah. Senario ini adalah disebabkan pendekatan kebanyakan mahkamah syariah yang lebih cenderung menggunakan konsep *bayyinah* dalam penerimaan keterangan berbanding *syahadah* yang agak ketat. Penggunaan *bayyinah* mengikut konsep yang dibawa oleh Ibnul Qayyim al-Jawziyyah telah memberi ruang yang lebih besar untuk semua jenis keterangan untuk dikemukakan di mahkamah syariah termasuk keterangan saksi yang tidak ‘*adil*’.

Selain dari itu, sistem adversarial yang diamalkan oleh mahkamah syariah dari dulu hingga kini sedikit sebanyak mempengaruhi pendekatan mahkamah untuk mencabar kredibiliti saksi melalui proses pemeriksaan balas terhadap kebolehpercayaan keterangan saksi, bukan atas sebab ketidakadilan atau latar belakang dan peribadi saksi. Atau dengan kata lain, kekompetenec saksi banyak bergantung kepada status keterangannya, bukan pada status sifat atau peribadi saksi itu sendiri.

Oleh yang demikian, untuk menjadikan peruntukan ‘*adil*’ dalam SKMS lebih relevan dan selari dengan prinsip fiqh dan amalan semasa, adalah dicadangkan :

- i. Mengadakan program pemantapan kefahaman prinsip fiqh berkaitan prinsip keterangan Islam dalam kalangan hakim dan pegawai syariah.
- ii. Mengkalkan syarat ‘*adil*’ sedia ada dalam SKMS tetapi dengan pentafsiran yang lebih kontemporari dalam amalan supaya mudah digunakan sesuai dengan realiti

- masyarakat Malaysia tanpa mengabaikan prinsip asas syariah dan *maqasid syariah*.
- iii. Meningkatkan kefahaman prinsip fiqh berkaitan prinsip keterangan Islam dan kemahiran amalan semasa dalam kalangan pengamal undang-undang syariah/peguam syarie.
  - iv. Menggunakan prinsip undang-undang keterangan Islam terutama berkaitan syahadah, syarat dan bilangan saksi, dengan kadar maksima terutama dalam penyediaan penghakiman.
  - v. Mengguna dan mempopularkan peruntukan berkaitan *tazkiyah al-shuhud* dengan tafsiran dan panduan amalan yang lebih kontemporari untuk mengenalpasti keadilan saksi.

## Bibliografi

- ‘Abdul Karim Zaydan. (1983). *Nizam a-Qada’*. Bagdad: Matb’ah al-Ma’ani.
- ‘Alauddin Abi Bakr Bin Mas’ud al-Kasani al-Hanafi.(t.t). *Badai’ al-Sanai’ Fi Tartib al-Sharai’*. Kaherah: Matba’ah al-Imam.
- Abi Ishaq Ibrahim al-Shirazi.(1995). *al-Muhadhab*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Abi Bakr ‘Uthman Bin Muhammad Shatta al-Dimyati al-Bakri.1995. *I'anah al-Talibin*.  
Beirut: Dar al-Fikr.
- Ahmad ‘Abdul Mun’im al-Bahai.(1965). *Min Turuq al-Ithbat Fi al-Shari’ah wa fi al-Qanun*.  
Kaherah: Dar al-Fikr.
- Ahmad Fathi Bahnasi (1983). *Nazariyat al-Ithbat Fi al-Fiqh al-Jina’i al-Islami*.Beirut: Dar  
al-Shuruq.
- Ahmad Mohamed Ibrahim. (2000). *The Administratioan Of Islamic Laws in Malaysia*  
Kuala Lumpur: IKIM.
- Amir Husin Mohd Nor, Zuliza Kusrin & Che Maryam Ahmad, “ Kesaksian Dalam Undang-undang Keterangan Islam” dalam Siti Zalikhah Md. Nor et al (2006) *Al-Syariah Jilid 3: Undang-undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Al-Dasuqi, Muhammad ‘Arfa (t.t) *Hashiyah al-Dasuqi ‘ala al-sharh al-Kabir*. Isa al-Babi  
al-Halabi wa Shirkat.
- Al-Dimyati, Abi Bakr Uthman Bin Muhammad Shatta (1995) *Hashiyah al-I'anah al-Talibin*.  
Beirut:Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Kasani, ‘Alauddin Abi Bakr bin Mas’ud (t.t). *Badai’ al-Sanai’ Fi Tartib al-Sharai’*.  
Kaherah: Matba’ah al-Imam)
- Al-Khatib, Muhammad al-Sharbini.(t.t) *Al-Iqna’*. Juzuk 1. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Ramli, Shamsuddin Muhammad Bin Abi al’Abbas (1984). *Nihayatul Muhtaj Ila Sharhi  
al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Shafi’i, Abi ‘Abdillah Muhammad Bin Idris.(2009). *Al-Umm*. Jilid ke-5. Beirut: Dar al-Fiqh.
- Al-Syarbini, Shamsuddin Muhammad al-Khatib. (2006). *Mughni al-Muhtaj*. Juzuk ke-6.  
Kaherah: Darul Hadith.  
(t.t) *al-Iqna’*. Beirut: Dar al-Fiqh.
- Al-Zuhayli, Wahbah. (1997).*Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Juzu’ 8. Damsyiq: Dar al-Fikr,1997.
- \_\_\_\_\_. (1996). *Usul al-Fiqh al-Islami*. Juzuk ke-2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaluddin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahman Hamdan.  
(2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional.

- Burhanuddin Abi al-Hasan ‘Ali bin Abi Bakr al-Farghani al-Marghinani.(t.t) *Al-Hidayah Sharh Bidayah al-Mubtadi*. Jilid ke-2. Beirut: Sharikah Dar al-Arqam bin Abi al-Arqam.
- Ibnu Farhun. (1301H). *Tabsirah al-Hukkam Fi Usul al-'Aqdiyyah wa Manahij al-Ahkam*. Jilid ke-2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibnu Hazm.(1984) *al-Muhalla bi a-Athar*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibnu al-Humam.(1995). *Sharhu Fathul Qadir*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibnu al-Qayyim al-Jawziyyah.(2002). *Al-Turuq al-Hukmiyyah Fi al-Siyasah al-Shari'iyah*. Kaherah: Darul Hadith.
- ..... (2002). *I'lam al-Muwaqi'in*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Ibnu Kathir (1996) *Tafsir Ibnu Kathir*.Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath.
- Ibnu Qudama (1994). *al-Mughni wa Sharhu al-Kabir*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibnu Rushd. (2009).*Sharh Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Jilid ke-4. Kaherah: Dar al-Salam.
- Hamid Jusoh.(2007). *Tazkiyah al-Syuhud* dalam Nasimah Hussin et. al. *Undang-undang Islam: Jenayah, Keterangan dan Prosedur*. Jil. Ke-13. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. Ed. Ke-3. (1995).Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mahmud Saedon Awang Othman. (1991). *Undang-undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka.
- ..... “Pendekatan Siyasah Syar’iyyah Dalam Pentadbiran Negara”, *Jurnal Undang-undang IKIM* 4, no. 1 (Januari-Jun 2000), m.s.81.
- ..... (1995). “Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah:Satu Analisis”, Dalam *Undang-undang Keterangan Dan Prosedur di Mahkamah*, ed. Abdul Monir Yaacob.Kuala Lumpur: IKIM, 1995.
- Muhammad Siraj. (1988). *Usul al-Fiqh al Islami*. Iskandariyah: Mansha’ah al-Ma’arif.
- Muhammad al-Zuhayli (2008). *Fiqhul Qada’ wa al-Da’wa wal Ithbat* .UAE: Jami’ah al-Shariqah.
- Othman Lebar. (2007). *Penyelidikan Kualitatif*. Tanjung Malim: Penerbitan UPSI.
- The Mejelle*. (2006). terj. C.R. Tyser. D.G. Demetriades & Ismail Haqqi Effendi. Petaling Jaya: The Other Press.
- Qanun-E-Shahadat Pakistan 1984*
- Ruzman Md. Noor. “Kajian Semula Terhadap Undang-undang Keterangan Islam”. Prosiding Seminar Semakan Semula Korpus Undang-undang Islam di Malaysia: Keperluan Dan Cabaran, IKIM. 1-2 April 2008.April 1-2, 2008 .
- ..... “Kedudukan Bayinah, Syahadah dan Qarinah Dalam Penggubalan Undang-undang Keterangan Islam Di Malaysia”, *Jurnal Syariah* 16 (2008):345-366.
- ..... “Kesaksian Dalam Konteks Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah di Malaysia: Analisis Dari Perspektif Mazhab Syafie”, *Jurnal Fiqh* 5 (2008): 143-167.
- Shamsuddin al-Shaikh Muhammad al-Dasuqi (t.t) *Hashiyah al-Dasuqi 'Ala al-Sharh al-Kabir* .Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Shamsuddin Muhammad Bin Abi al-‘Abbas Ahmad Bin Hamzah Ibnu Shihabuddin al-Ramli.(1984). *Nihayah al-Muhtaj Ila Sharhi al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Statut Keterangan Mahkamah Syariah Negeri-negeri di Malaysia*.
- Suseela Malankolunthu (2013). “Pengumpulan Dan Analisis Data Kualitatif” dalam Marohaini Mohd Yusoff, *Penyelidikan Kualittaif:Pengalaman Kerja Lapangan*. Kuala Lumpur: penerbit Universiti Malaya.
- Taqiyuddin Abi al-Baqa Muhammad Bin Ahmad Ibnu al-Najar al-Fatawhi. (2005). *Sharhu*

*Muntaha al-Iradat.* Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.